

09/05/2001

TNB diminta bantu projek Hidro Elektrik Bakun

Ahmad Fiesal Othman; Nor Afzan Mohamad Yusof

KERAJAAN berharap Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan terbabit menguruskan projek Empangan Hidro Elektrik Bakun (Bakun) di Sarawak atau sekurang-kurangnya membantu syarikat pengendali projek berkenaan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata TNB mempunyai kepakaran dan keupayaan dari segi kejuruteraan dan sudah terbabit menguruskan sebahagian kerja pembinaan empangan berkenaan bersama beberapa pihak termasuk Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak (Sesco).

Beliau berkata, pembabitan TNB dalam projek itu akan memantapkan lagi perjalanan projek berdasarkan pengalamannya dalam bidang berkaitan.

Bagaimanapun, katanya persoalan sama ada TNB akan menjadi pemegang saham untuk projek Bakun pada masa akan datang tidak timbul kerana ia terpulang kepada Lembaga Pengarah TNB membuat analisis mengenai kemungkinan berkenaan.

"Kerajaan tidak mempunyai halangan jika TNB membuat keputusan ingin melabur dalam projek Bakun dan seterusnya menjadi pemegang saham tetapi tidak pernah mengarahkan TNB mesti melabur di dalamnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pembabitan TNB yang mungkin diberi kepentingan lebih besar selepas merasmikan Pameran Kuasa, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Malaysia 2001 (Elenex 2001) di Seri Kembangan, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis; Pengerusi Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd (MESSB), Azzat Kamaludin dan Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas (JBEG), Datuk Ir Mohd Annas Mohd Nor.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata TNB mungkin diberi kepentingan yang lebih besar bagi projek Bakun yang kini dikurangkan saiznya.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas mengenai jumlah kepentingan yang mungkin ditawarkan kepada TNB.

Perdana Menteri berkata, Bakun mempunyai masa depan yang cerah sekarang kesan berlakunya masalah tenaga di Amerika Syarikat, menyebabkan banyak syarikat aluminium relau lebur akan ditutup dan berpindah.

Sementara itu, Elenex 2001 yang dianjurkan oleh MESSB dengan kerjasama TNB disertai oleh 206 syarikat elektronik daripada 22 negara dan berlangsung selama empat hari hingga 11 Mei ini.

Terdahulu dalam ucapan perasmiannya, Moggie berkata, dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), kerajaan akan melabur RM30 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi keperluan pembangunan tenaga negara.

Beliau berkata, penghasilan tenaga akan diberi keutamaan dengan peruntukan RM18 bilion atau 60 peratus daripada keseluruhan pelaburan manakala penghantaran dan pengedaran masing-masing RM6 bilion atau 20 peratus peruntukan.

(END)